

## STRATEGI PEMBELAJARAN BERASASKAN PERBINCANGAN MENERUSI KONTEKS PENGINTEGRASIAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DALAM MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM DI NEGERI PERAK

### Discussion-Based Learning Strategies through the Context of Integration of Higher Order Thinking Skills in Islamic Education Subject in Perak

Mohd Syaubari Othman  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
syaubari@fpm.upsi.edu.my

#### Abstrak

*Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti strategi pembelajaran berasaskan perbincangan menerusi konteks pengintegrasian KBAT dalam mata pelajaran pendidikan Islam. Kajian ini melibatkan guru-guru pendidikan Islam sekolah rendah di negeri Perak. Komponen berfikir aras tinggi seperti kemahiran banding beza, kemahiran menyusun urutan, kemahiran membuat ramalan, kemahiran membuat definasi dan kemahiran mencipta analogi yang di lihat dalam tiga prinsip strategi pembelajaran iaitu kesediaan, amalan dan hasil untuk disesuaikan dengan kerangka konseptual kajian. Kajian ini menggunakan analisis deskriptif (melalui instrumen soal selidik). Kesemua instrumen pengutipan data ini dibina oleh pengkaji dengan pengubahsuaian daripada instrument KBAT Kementerian Pendidikan Malaysia dan pakar yang terlibat serta kandungannya disahkan oleh panel rujukan pakar. Tahap nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach yang diperolehi adalah tinggi iaitu antara (0.82173). Seramai 400 orang guru pendidikan Islam dipilih secara rawak mudah untuk menjawab instrumen soal selidik. Data kajian di analisis secara deskriptif menggunakan frekuensi dan peratusan min. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati strategi pembelajaran berasaskan perbincangan menerusi konteks kemahiran berfikir aras tinggi adalah berada pada tahap tinggi menerusi min bagi keseluruhan (4.44). Bagi dapatan mengikut komponen yang terdiri daripada kesediaan mencatatkan min (4.46), amalan mencatatkan min (4.41) dan hasil mencatatkan min (4.41). Implikasi dan cadangan yang dikemukakan dapat memberi gambaran yang bermanfaat kepada kementerian, sekolah, guru dan masyarakat dalam meningkatkan strategi pembelajaran berasaskan pendekatan perbincangan seiring dengan konsep kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) seperti di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025.*

**Kata kunci:** Strategi pembelajaran, Perbincangan, KBAT

#### Abstract

*This study aims to identify learning strategies based on discussions through HOTS integration in Islamic education subjects. The study involved primary school Islamic education teachers*

*in Perak. Higher order thinking components such as different comparative skills, sequencing skills, predictive skills, defining skills, and creating analogy are seen in three principles of learning strategies: readiness, practice, and outcomes to suit the study's conceptual framework. This study uses descriptive analysis (through questionnaire instrument). All data collection instruments were constructed by researchers with modifications from the HOTS instrument of the Ministry of Education Malaysia and the experts involved and their content certified by the expert reference panel. The value of Cronbach Alpha reliability was high (0.82173). A total of 400 Islamic education teachers were randomly selected to answer the questionnaire instrument. The research data in descriptive analysis uses frequency and percentage of min. The result of the study found that the learning strategy based on the discussion through the context of higher order thinking skills was at a high level through the overall mean (4.44). Findings for readiness component recorded a mean of 4.46. While practice and result components recorded a mean of 4.41 respectively. The implications and recommendations suggested to ministries, schools, teachers, and the community to improve learning strategies based on the discussion approach in line with the concept of higher order thinking skills (HOTS) as in the 2013-2025 Education Development Plan.*

**Keywords:** Learning Strategies, Discussion, HOTS

## **PENGENALAN**

Sistem pendidikan abad ke 21 membentuk strategi pengajaran berpusatkan pelajar untuk digunakan oleh para guru semasa menyampaikan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahkan telah menjadi asas utama dalam inovasi kurikulum seluruh dunia. Menurut (Ab Halim Tamuri & Mohammad Khairul Azman AJuhary, 2010) telah mendefinisikan strategi pengajaran berpusatkan pelajar sebagai pengambilalihan tugas atau tanggungjawab daripada guru oleh pelajar semasa sesi PdP. Strategi ini memerlukan penglibatan pelajar secara aktif dalam sesuatu aktiviti yang dijalankan melalui bimbingan dan panduan daripada guru (Hennessey & Amabile, 2010).

Selain itu, pengajaran berpusatkan pelajar berupaya meningkatkan penglibatan pelajar dalam proses PdP, pembentukan kemahiran berfikir, menambahkan keyakinan diri, menggalakkan pelajar menghasilkan idea, menggalakkan pelajar membina ilmu dan mewujudkan suasana kerjasama dalam kalangan pelajar (Asmawati Suhid & Fathiyah Mohd Fakhrudin, 2012). Strategi pengajaran berpusatkan pelajar mempunyai ciri-ciri yang tertentu (Azhar Ahmad, 2006) seperti pelajar lebih fokus dalam PdP, melibatkan proses komunikasi dua hala, kepimpinan guru bercorak demokratik, pembinaan kreativiti pelajar dan pembelajaran yang bercorak pengarahannya sendiri. Keseluruhannya, strategi berpusatkan pelajar ini digunakan secara meluas di sekolah-sekolah seluruh Malaysia. Semua guru yang terlatih dikehendaki

untuk mengetahui perkara-perkara asas yang digunakan untuk memastikan kaedah pengajaran yang digunakan di dalam kelas ialah pengajaran berpusatkan pelajar.

Menurut (Brookhart, 2010), aktiviti secara perbincangan yang dilaksanakan mengikut strategi-stategi yang telah ditetapkan menjadikan pelajar lebih memberi perhatian dan tumpuan dalam setiap kandungan atau konsep pembelajaran yang dilaksanakan. Kaedah perbincangan ini adalah bersesuaian dalam menghasilkan keupayaan pelajar untuk berfikir, menyelesaikan masalah, membuat keputusan dan membentuk minda yang kreatif dan kritikal (Kamarul Azmi Jasmi et al., 2010). Maka menjadi keperluan pengaplikasian kaedah ini diterjemahkan menerusi mata pelajaran pendidikan Islam yang menekankan pembelajaran berasaskan pembentukan pengetahuan pelajar secara optimum.

Kaedah perbincangan akan memberi impak yang amat baik terhadap perkembangan pendidikan masa kini. Hal ini demikian kerana, kaedah perbincangan menerusi kumpulan menekankan aspek penglibatan pelajar secara menyeluruh berbanding kaedah tradisional yang berpusatkan guru. Kaedah perbincangan ini dapat merangsang minda pelajar-pelajar melalui kemampuan untuk menyampaikan idea dan pandangan, gerak kerja secara bersama di dalam pembelajaran, peningkatan kemahiran sosial dan pengukuhan isi kandungan pengajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Walau bagaimanapun, implikasi yang negatif dalam kaedah ini adalah disiplin sesetengah pelajar menjadi tidak terkawal semasa sesi perbincangan. Hal ini dapat mengganggu pelajar-pelajar yang lain yang memberi fokus kepada isi perbincangan. Namun kewujudan elemen negatif di dalam kaedah ini memerlukan penyelesaian secara tuntas menerusi kefahaman yang mendalam dan panduan yang berkesan di kalangan guru dalam proses pengendalian kaedah perbincangan ini (Noor Hisham Md Nawi, 2011).

Kajian ini meneroka dan menganalisis kewujudan pelaksanaan amalan pengajaran secara kolaboratif perbincangan di dalam PdP yang dilaksanakan oleh guru di sekolah dan bagaimana kaedah perbincangan di intergrasikan secara menyeluruh di dalam proses PdP.

## **TINJAUAN LITERATUR**

### **Pendekatan pengajaran berpusatkan pelajar**

Asas pengajaran berpusatkan pelajar meletakkan guru sebagai fasilitator menerusi pembentukan pengalaman pembelajaran yang dapat menarik minat pelajar serta menggalakkan penglibatan sepenuhnya di dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Wan Mat Sulaiman & Norkhairiah Hashim, 2011). Proses pengajaran berpusatkan pelajar ini adalah berdasarkan beberapa konsep yang telah ditetapkan.

- i) Memberi peluang kepada pelajar untuk belajar secara individu, kumpulan dan kelas.
- ii) Penglibatan pelajar dalam membentuk pembelajaran melalui rundingan berasaskan kekuatan dan kelemahan pelajar.
- iii) Memberi pelajar kebebasan untuk membuat pilihan tentang bahan sumber dan aktiviti pembelajaran yang akan dijalankan.
- iv) Guru perlu mewujudkan prosedur pemantauan agar pelajar bertanggungjawab ke atas apa pelajari.
- v) Pembentukan garis panduan dalam menentukan kriteria penilaian secara kolaboratif antara guru dan pelajar.
- vi) Merancang penilaian pelajar secara kolaboratif dan berterusan.
- vii) Pelajar bebas memberi pendapat dengan bimbingan dan panduan daripada guru

Proses penghasilan aktiviti yang memerlukan penglibatan secara aktif oleh pelajar memerlukan kefahaman yang jelas bagaimana fungsi pelajar itu berperanan di dalam bilik darjah. Penghasilan aktiviti berasaskan pelajar menjadi teras utama dalam mengerakkan proses perjalanan PdP menerusi guru sebagai pemantau, penyelia dan penilai berdasarkan panduan yang telah ditetapkan di awal pengajaran (Khalid, 2010; KPM, 2014). Contoh kaedah yang digunakan dalam kelas:

- i) Sumbang saran dan perdebatan
- ii) Main Peranan, kerja lapangan dan pengurusan projek.
- iii) Pelbagai sumber rujukan – ensiklopedia, internet, pemerhatian

- iv) Lokasi pembelajaran yang pelbagai – makmal komputer, padang sekolah, dewan
- v) Penerangan dan praktikal
- vi) Pengajaran oleh rakan sebaya
- vii) Guru mencapai setiap pelajar dalam aktiviti berkumpulan kecil

Secara keseluruhannya strategi pengajaran berpusatkan pelajar ini akan mengwujudkan pembelajaran lebih bersifat aktif dan bukan pasif, penekanan kepada pembelajaran dan pemahaman lebih mendalam, meningkatkan sifat kebertanggungjawaban pelajar, meningkatkan autonomi pelajar, saling kebergantungan di antara guru dan pelajar, saling menghormati antara guru dan pelajar dan penghasilan PdP yang lebih refleksif untuk guru dan pelajar.

### **Kaedah Pengajaran Perbincangan**

Mengikut (Saavedra & Opfer, 2012) pengajaran secara perbincangan merupakan satu proses aktif yang melibatkan guru dan pelajar dalam persekitaran pembelajaran. Menurut Bond pada 2001 (Noriati A. Rashid et al., 2009) yang menegaskan bahawa dalam perbincangan ini, pelajar akan menjadi lebih aktif, berkesan dan membentuk kepelbagaian pemikiran. Bagi menggalakkan penyertaan aktif pelajar dalam aktiviti pembelajaran, aktiviti berkumpulan perlu diadakan supaya pelajar menerusi interaksi sesama mereka sewaktu perbincangan-perbincangan yang dilaksanakan (Rosnani, 2012). Bagi (Brookhart, 2010) menjelaskan bahawa dalam kaedah ini, guru hendaklah memastikan pelajar sentiasa berminat untuk mengikuti pembelajaran. Guru-guru perlu menggalakkan para pelajar berfikir untuk lebih menghasilkan daya pemikiran yang lebih kreatif, inovatif dan menghasilkan idea yang bernas.

Kaedah pengajaran perbincangan kumpulan ini termasuk dalam model pembelajaran koperatif (Hennessey & Amabile, 2010) yang menjelaskan bahawa pembelajaran secara koperatif adalah merupakan pembelajaran aktif yang berupaya mengubah suatu situasi pembelajaran yang pasif kepada suatu yang dinamis serta berpusatkan pelajar (Ab Halim et al., 2010) menjelaskan bahawa terdapat tiga prinsip pembelajaran utama dalam pengajaran secara perbincangan ini iaitu kesediaan, amalan dan hasil.

Menurut Ab Halim et al. (2010) juga menjelaskan bahawa kaedah perbincangan digunakan oleh guru untuk mencapai tiga objektif pengajaran iaitu meningkatkan pemikiran dan membantu pelajar membina kefahaman kandungan; merangsang penglibatan; serta membantu pelajar menguasai kemahiran komunikasi dan proses pemikiran. Saavedra dan Opfer (2012) berpendapat bahawa terdapat ketiga-tiga elemen ini iaitu kesediaan, amalan dan kesan adalah penting dan perlu diberi penekanan sewaktu seseorang guru ingin menggunakan kaedah perbincangan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Terdapat 5 teknik utama dalam pembelajaran melalui perbincangan.

- i) Pertama, Penyiasatan Berkelompok (*Group Investigation*). Teknik ini, setiap ahli kumpulan akan melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti sekolah untuk mendapatkan maklumat. Ini memerlukan pelajar mengenalpasti suatu topik yang disiasat, merancang serta menjalankan penyiasatan. Semua maklumat yang telah diperolehi akan dianalisis dengan cara terperinci untuk dipersembahkan dalam bentuk yang kreatif dan menarik.
- ii) Kedua, teknik *Student Team Achievement Division* (STAD). Dalam teknik ini, pelajar-pelajar perlu berada dalam kumpulan kecil dan menggunakan lembaran kerja untuk menguasai suatu cabang pengetahuan. Mereka saling membantu antara satu sama lain melalui tutorial, kuiz atau perbincangan kumpulan..
- iii) Ketiga, teknik *Jigsaw*. Setiap kumpulan akan menghantar ahli untuk membentuk kumpulan pakar. Ahli-ahli dalam kumpulan pakar akan membincangkan sebahagian bahan akademik (yang telah disediakan oleh guru). Selepas itu, semua ahli kumpulan pakar tadi akan kembali ke kumpulan asal masing-masing untuk berkongsi pengetahuan mereka dengan rakan sekumpulan. Motif utama dalam *Jigsaw* ialah setiap pelajar dalam satu kumpulan akan menjadi pakar dalam topik tertentu dan bertanggungjawab memberi tunjuk ajar kepada rakan sekumpulan tentang apa yang telah mereka pelajari.
- iv) Teknik keempat ialah *Team-Accelerated Instruction* (TAI). Ia merupakan pendekatan secara menyeluruh di mana pelajar mempunyai kebebasan bertindak dan guru boleh membentuk kelas heterogeni. Pelajar yang mempunyai latar

belakang yang berbeza ditentukan kepada kumpulan yang heterogenus. Ini bertujuan untuk memberi peluang kepada murid yang rendah pencapaian supaya dapat meningkatkan tahap pencapaiannya seiring dengan pelajar lain yang mempunyai pencapaian tinggi.

- v) Teknik kelima ialah *Team Games Tournament* (TGT). Dalam teknik ini, guru perlu memberitahu pelajaran yang berkaitan sama ada dalam bentuk syarahan, demonstrasi atau pertunjukan visual. Pelajar berbincang mengenai bahan yang disampaikan oleh guru. Kemudian pelajar akan bekerja mengikut lembaran kerja yang disampaikan oleh guru untuk menguasai konsep. Pelajar akan bermain suatu permainan berbentuk pertandingan di dalam bilik darjah.
- vi) Teknik Putaran Giliran, setiap ahli dalam kumpulan akan mengutarakan pendapat masing-masing secara lisan mengikut putaran giliran mereka. Matlamatnya adalah untuk memberikan setiap ahli peluang mengemukakan idea masing-masing sambil menerima dan menolak idea yang lain secara diplomasi. Melalui teknik ini berlakulah proses bertukar-tukar idea dan pandangan agar idea yang diperuntukan itu akan menjadi lebih jelas dan bermakna.
- vii) Teknik Meja Bulat pula, ahli kumpulan dapat berkongsi maklumat secara bergilir-gilir dalam mencurahkan idea yang dibincangkan. Setiap ahli memerlukan tambahan idea untuk melengkapkan tugas. Aktiviti berkongsi maklumat ini dapat dilaksanakan oleh ahli dalam kumpulan agar perkara yang dibincangkan itu menghasilkan satu idea yang sangat bermakna. Melalui penurunan idea tersebut, setiap ahli digalakkan untuk membaca dan menyemak hasil tugas mereka agar tugas mereka mantap dan bermakna.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Pendekatan perbincangan merupakan salah satu komponen di dalam pengajaran berpusatkan pelajar. Perkembangan kaedah pengajaran telah menghasilkan kepelbagaian metodologi dengan perbincangan telah di bentuk menjadi salah satu elemen di dalam amalan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Untuk itu, teknik perbincangan ini memerlukan kefahaman yang


mendalam di kalangan guru agar proses yang dibentuk menepati konsep perbincangan yang sebenar. Keperluan untuk guru memahami merupakan asas bagi mengaplikasikan kepada pelajar yang sentiasa memerlukan bimbingan dan panduan daripada guru dan sekiranya guru tidak menguasai kemahiran ini, pelaksanaan kaedah perbincangan ini akan terjejas (Noor Hisham Md Nawi, 2011)

Oleh itu melalui kajian ini ianya akan menghasilkan kerangka kefahaman yang perlu ada di kalangan guru mengenai kaedah perbincangan dan bagaimana penerapan kaedah perbincangan yang berkesan di kalangan pelajar bagi memastikan proses transisi ilmu berlaku dengan teratur dan tepat. Dapatan kajian mendapati pengajaran guru di dalam kelas mengaplikasikan kaedah perbincangan yang tidak menjuruskan kepada pemahaman isi kandungan pengajaran tetapi sebaliknya tumpuan lebih diberikan konteks kandungan tajuk akidah. Ini menyebabkan pelajar yang terlibat tidak dapat memahami sebaliknya tertumpu kepada perbincangan secara hafalan di dalam kumpulan (Partnership for 21st Century Skills, 2010; KPM, 2014). Maka kajian ini menganalisis bagaimana pengajaran secara perbincangan ini diaplikasikan secara bertepatan dengan kehendak asas konsep interaksi berkualiti di dalam kumpulan.

Belum terdapat kajian yang mengfokuskan sejauh mana kaedah perbincangan di dalam mata pelajaran pendidikan Islam. Kajian sebelum ini lebih berfokus kepada kaedah koperatif, inkuri dan penyelesaian masalah dalam menghasilkan kefahaman yang kukuh di kalangan pelajar (Saavedra & Opfer, 2012). Maka kajian ini akan menghuraikan asas perbincangan yang berkesan dalam membentuk kefahaman kepada pelajar yang mempelajari pendidikan Islam. Perbincangan adalah merupakan konsep yang wujud di dalam teori-teori pembelajaran dengan bagaimana proses menstrukturkan perbincangan menjadi suatu yang diberi penekanan utama. Sekiranya dibandingkan di antara teori-teori barat dan Islam, Islam meletakkan perincian dengan jelas berkaitan prinsip dan konsep perbincangan yang dapat membentuk keberkesanan. Secara keseluruhannya, perbahasan mengenai kaedah perbincangan sebagai mekanisme utama dalam penentuan PdP berpusatkan pelajar telah meletakkan paradigma baru di dalam membentuk keberkesanan di dalam pemerolehan ilmu oleh pelajar. Dengan ini, sebuah kerangka konsep kajian (Rajah 1) dibentuk bagi menjawab tiga pernyataan objektif kajian seperti berikut:



1. Mengenal pasti amalan pengajaran guru menggunakan perbincangan berdasarkan aspek kesediaan
2. Mengenal pasti amalan pengajaran guru menggunakan perbincangan berdasarkan aspek amalan
3. Mengenal pasti amalan pengajaran menggunakan perbincangan berdasarkan aspek penghasilan



**Rajah 1:** Kerangka Konsep Kajian

## METODOLOGI

### Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini merupakan kaedah tinjauan yang bersifat kuantitatif. Hasil dapatan kajian ini dilihat melalui bentuk perkiraan yang merangkumi nombor dan formula tertentu. Menurut (Creswell, 2009) kaedah tinjauan merupakan satu cara yang spesifik bagi mengumpul maklumat berkenaan sekumpulan besar populasi. Kaedah tinjauan ini menggunakan kaedah soal selidik bertujuan untuk melakukan penilaian yang melibatkan 3 komponen utama.

*Strategi Pembelajaran Berasaskan Perbincangan menerusi Konteks Pengintegrasian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam di Negeri Perak*

- i) Pelaksanaan amalan pengajaran guru menggunakan perbincangan berdasarkan aspek kesediaan
- ii) Pelaksanaan amalan pengajaran guru menggunakan perbincangan berdasarkan aspek amalan
- iii) Pelaksanaan amalan pengajaran menggunakan perbincangan berdasarkan aspek penghasilan

Kajian ini merupakan satu tinjauan awal yang hanya menggunakan soal selidik dan kaedah pengukuran berdasarkan ujian analisis deskriptif iaitu min bagi menentukan ciri-ciri pembolehubah tanpa melakukan generilisasi. Kajian ini menggunakan instrumen bagaimana pelaksanaan pengajaran secara perbincangan menerusi mata pelajaran pendidikan Islam menerusi analisis daripada perspektif kesediaan, amalan dan penghasilan.

### **Populasi dan Sampel Kajian**

Kajian ini melibatkan guru-guru pendidikan Islam sekolah rendah di Negeri Perak yang berjumlah 1,385 orang dengan pembahagian taburan kajian menggunakan 3 zon utama di Perak melibatkan Perak Utara, Perak Tengah dan Perak Selatan. Proses penentuan sampel kajian berdasarkan jumlah populasi yang bersesuaian (Krejcie & Morgan, 1970; Mohd Majid Konting, 2005; Cohen et al., 2007) ditetapkan 400 orang terlibat dalam kajian ini. Guru-guru pendidikan Islam yang terpilih dikategorikan berdasarkan jantina, lokasi dan pengalaman mengajar di sekolah.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian atau alat kajian yang digunakan dalam ujian ini adalah set soal selidik. Borang soal selidik ini terbahagi kepada dua bahagian. Pada Bahagian I, terdapat beberapa item berkenaan latar belakang responden. Pada Bahagian II pula, adalah instrumen yang terdiri daripada 30 soalan berkaitan persoalan tahap pelaksanaan amalan pengajaran secara perbincangan di dalam mata pelajaran pendidikan Islam. Soal selidik ini telah diubahsuai daripada i) instrumen pemantauan pengajaran guru yang dibangunkan oleh Jemaah Nazir; ii) Soal selidik yang dilakukan di dalam tesis PHD amalan pengajaran berpusatkan pelajar menerusi mata pelajaran pendidikan Islam oleh (Zakaria, 2011); dan iii) Instrumen penilaian

pengajaran pendidikan Islam yang dibangunkan oleh Bahagian Pendidikan Islam dan Lembaga Peperiksaan Malaysia. Kesemua soal selidik ini telah diteliti terlebih dahulu untuk memastikan setiap responden telah mengikut arahan yang tepat agar dapat memberikan maklumat seperti yang diperlukan. Setelah berkeyakinan dengan keseluruhan item soal selidik, penyelidik telah menetapkan pengesahan pakar bagi item-item yang terdapat dalam instrumen. Penyelidik telah memilih tiga orang pakar daripada pelbagai bidang seperti pakar pendidikan Islam, pakar pedagogi dan pakar metodologi kajian (Mohd Majid Konting, 2005; Pallant, 2010).

### **Pengumpulan dan Analisis Data**

Dapatan menerusi data yang diperolehi ini dianalisis oleh penyelidik bagi menjawab persoalan kajian ini. Daripada data yang diperolehi adalah diharapkan penyelidik dapat mengenalpasti pelaksanaan amalan pengajaran secara perbincangan di dalam mata pelajaran pendidikan Islam. Setiap item soal selidik dari aspek kesahan dan kebolehpercayaan telah di analisis menggunakan nilai *Alpha Cronbach* seperti dalam Jadual 1 di bawah.

**Jadual 1:** Nilai Pekali Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik

<b>Pembolehubah</b>	<b>Nilai <i>Alpha Cronbach</i></b>
Kesediaan	0.7727
Amalan	0.8905
Hasil	0.8020
<b>Keseluruhan</b>	<b>0.8217</b>

Keseluruhan data ini dikutip melalui perbincangan di antara pihak sekolah dengan penyelidik berdasarkan tatacara pengumpulan data. Penyelidik telah menetapkan tarikh yang bersesuaian untuk mengumpulkan data mengikut tarikh zon yang telah ditetapkan. Pengutipan soal selidik adalah seperti di dalam Jadual 2.

**Jadual 2:** Ketetapan Tarikh Kutipan Data

Zon	Tarikh Kutipan
1. Zon Perak Utara	1-10 Oktober 2016
2. Zon Perak Tengah	11-21 Oktober 2016
3. Zon Perak Selatan	22-30 Oktober 2016

Skala Likert lima mata telah digunakan dalam kajian ini. Kaedah skor yang digunakan ialah Sangat Tidak Setuju (STS) dengan skor 1 mata, Tidak Setuju (TS) dengan skor 2 mata, Kurang Pasti (KP) dengan skor 3 mata, Setuju (S) dengan skor 4 mata dan Sangat Setuju (SS) dengan skor 5 mata. Data yang diperolehi ini di analisis menggunakan statistik deskriptif yang melibatkan kekerapan dan peratusan.

## **DAPATAN KAJIAN**

Data telah diringkaskan dan dianalisis berdasarkan Jadual 3 berdasarkan analisis frekuensi dan peratus untuk jantina, lokasi, latar belakang keluarga dan kedudukan akademik di sekolah guru pendidikan Islam pelaksanaan kaedah perbincangan menerusi mata pelajaran pendidikan Islam.

**Jadual 3:** Jantina, Lokasi dan Kedudukan Akademik di Sekolah

Pemboleh Ubah	Frekuensi	Peratus
<b>Gender</b>		
1) Lelaki	151	37.75
2) Perempuan	249	62.25
<b>Lokasi</b>		
1) Luar Bandar	212	53.00
2) Bandar	188	47.00
<b>Kedudukan Akademik</b>		
1) Diploma	112	28.00
2) Ijazah Sarjana Muda	205	51.25
3) Ijazah Sarjana	83	20.75

Berdasarkan Jadual 3, gender bagi guru yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada 151 lelaki dan 249 perempuan dengan majoritinya berumur di dalam lingkungan 25-47 tahun. Ini menunjukkan kebanyakan guru berada pada tahap produktif untuk memahami dan mengamalkannya. Data ini juga membuktikan guru perempuan lebih ramai berbanding guru lelaki dan merupakan perkara kebiasaan pada waktu ini di mana apa juga bidang, perempuan mengatasi lelaki.


Bagi kategori kedudukan akademik, di dapati ramai guru yang berada pada tahap Ijazah Sarjana Muda ini menunjukkan tahap pengetahuan guru berada pada tahap yang baik dalam proses mempertingkatkan tahap komitmen berkaitan pengamalan pembelajaran yang berkesan. Berdasarkan dapatan ini juga membuktikan guru berkeupayaan tinggi untuk menerapkan kaedah perbincangan ini dalam pengajaran. Peningkatan pengetahuan boleh dilaksanakan melalui kursus-kursus yang dihadiri, bengkel-bengkel dan pembacaan yang meluas. Bagi kategori kedudukan akademik ini, di dapati guru yang mempunyai taraf pendidikan yang tinggi adalah seramai 205 daripada ijazah sarjana muda, ijazah sarjana 83 orang dan peringkat diploma seramai 112 orang.

Untuk kategori lokasi sekolah di dapati guru yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada lokasi luar bandar seramai 212 orang dan bandar seramai 188 orang. ini menggambarkan keseimbangan di antara jumlah guru dan ini tidak akan mengwujudkan permasalahan dalam pelaksanaan amalan perbincangan di dalam pengajaran ini disebabkan tahap pendedahan mengenai konsepnya adalah seiring di antara lokasi bandar dan luar bandar.

## **PERBINCANGAN**

Perbincangan dilaksanakan secara menggabungkan kesemua pemboleh ubah iaitu kesediaan, amalan dan hasil untuk memperlihatkan keterikatan dari setiap satunya. Pengkaji mendapati pengaplikasian kaedah perbincangan dalam mata pelajaran pendidikan Islam dari aspek kesediaan guru berada pada tahap tinggi dengan purata min (4.44). Berdasarkan dapatan kajian bagi kesediaan melaksanakan perbincangan, mencatatkan peratusan min yang tertinggi adalah guru yang sentiasa menetapkan objektif berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap tajuk yang telah di ajarkan sebelum. Ini membuktikan guru sentiasa mengambil berat objektif yang

ditetapkan dan seharusnya berdasarkan tahap keupayaan pelajar yang di dapati daripada pencapaian pembelajaran sebelumnya (Siti Marlina Sabran, 2013).



**Rajah 2:** Kerangka Strategi Pembelajaran Berasaskan Perbincangan Pengintegrasian KBAT dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam

Ini menunjukkan elemen kesediaan guru dalam melaksanakan perbincangan sentiasa diberi penekanan oleh guru pendidikan Islam di dalam kelas agar kefahaman pelajar dapat dipertingkatkan. Namun penambahbaikan yang perlu dijalankan adalah kesediaan untuk guru untuk membentuk perbincangan berasaskan BBM yang perlu digunakan di dalam pengajaran kerana kefahaman pelajar dapat dihasilkan dan dibentuk (Zuraidah Ramdzan, 2013).

Berdasarkan dapatan kajian bagi komponen hasil daripada perbincangan mencatatkan peratusan min yang tertinggi adalah pelajar melakukan dapat menghasilkan refleksi (muhasabah) daripada perbincangan yang dilaksanakan. Ini membuktikan keupayaan guru memberi kebebasan kepada pelajar untuk melakukan perbincangan berasaskan bimbingan bagaimana perbincangan dapat dilaksanakan, namun proses ini akan terjejas sekiranya pelajar tidak memahami bagaimana proses perbincangan ini dapat dilaksanakan.

Oleh itu, kajian ini membuktikan, masih terdapat pelajar tidak memahami dengan jelas bagaimana perbincangan yang baik akan dapat membentuk kefahaman yang lebih baik oleh

pelajar, namun perubahan kepada sistem secara konvensional kepada sistem secara pengajaran abad ke 21 bukanlah perkara yang mudah untuk dilaksanakan kerana ini memerlukan kesepaduan keseluruhan sistem termasuk dasar, pentadbiran dan proses pelaksanaan (Kamarul Azmi Jasmi et al., 2010). Secara kesimpulannya, menerusi tinjauan awal ini mendapati sememangnya wujud tahap pengajaran secara perbincangan yang diaplikasikan oleh guru dan bertepatan dengan amalan pengajaran berorientasikan pelajar

### Perbincangan Keseluruhan

Dapatan daripada hasil soal selidik yang dijalankan, tahap pelaksanaan kaedah perbincangan oleh guru telah mencatatkan min yang tinggi iaitu (4.44). Ini terhasil daripada dapatan bagi komponen perbincangan dari aspek kesediaan yang mencatatkan min (4.46), manakala bagi komponen perbincangan dari aspek pelaksanaan mencatatkan min (4.41) manakala bagi komponen perbincangan dari aspek hasil yang mencatatkan min (4.41). Huraian berdasarkan analisis deskriptif iaitu min serta gambaran setiap item kajian.

**Jadual 4: Dapatan Keseluruhan Kajian**

<b>Pernyataan</b>	<b>Purata Min</b>	<b>Tahap</b>
1. Tahap kesediaan melaksanakan perbincangan.	4.46	Tinggi
2. Tahap amalan melaksanakan perbincangan.	4.41	Tinggi
3. Tahap hasil melaksanakan perbincangan .	4.41	Tinggi
<b>Purata</b>	<b>4.44</b>	<b>Tinggi</b>

Berdasarkan hasil kajian ini, cadangan bagi kajian adalah berdasarkan beberapa penambahbaikan di peringkat pengajaran dan pembelajaran (PdP) hendaklah menekankan aspek-aspek yang berikut iaitu, aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan seperti penyampaian kefahaman akidah yang benar pasti akan mendapat jaminan syurga. Selain itu, kepelbagaian aktiviti-aktiviti yang menekankan kepada penumpuan untuk mencapai objektif pengajaran. Selain itu, elemen penyoalan perlu dipertingkatkan dan dipelbagaikan seperti: Adakah pelajar tahu tentang sesuatu tugas manusia apabila dihidupkan di atas muka bumi ini? Adakah tugas

itu sesuai dan sejajar dengan tahap keupayaan pelajar? Adakah tugas yang diberi itu ada kaitannya dengan arahan yang terdapat di dalam Al-Quran? Adakah amalan yang dilakukan itu hasil daripada inisiatif pelajar sendiri, atau disebabkan arahan daripada guru? Semua persoalan ini menjadi pendorong kepada pelajar dalam meningkatkan asas kefahaman dan seterusnya menghayati yang menepati dengan syariat Allah s.w.t (Noor Hisham Md Nawi, 2011).

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan kajian ini telah mengemukakan data yang menunjukkan bahawa pelajar bagi peringkat sekolah rendah secara signifikan mempunyai tahap penghayatan akidah yang baik sekiranya wujud kemahiran pedagogi untuk mengajar KBAT di kalangan guru pendidikan Islam. Para pelajar ini percaya persediaan dari aspek ilmu pengetahuan, kemahiran pedagogi, dan sikap mampu membentuk penghayatan yang mantap dalam diri pelajar dan pelajar mempercayai bahawa kurang kesediaan dari aspek ilmu pengetahuan, kemahiran pedagogi dan sikap untuk mengajar KBAT menyebabkan proses pengajaran hanya akan bersifat statik dan membosankan. Data yang dikumpulkan ini melalui soal selidik menyokong kajian-kajian sebelum ini bahawa amalan pengajaran KBAT di bilik-bilik darjah ini menyebabkan tahap penghayatan akidah yang berbeza sekiranya elemen pengajaran KBAT tidak diberi perhatian.

Maka dalam kajian yang seterusnya, elemen melibatkan guru seperti kesan kepada penghayatan pelajar boleh menjadi fokus kajian dalam memastikan kerangka pelaksanaan KBAT dapat diterapkan dalam setiap aspek amalan pengajaran guru di dalam kelas. Kajian yang seterusnya boleh melibatkan penelitian amalan KBAT sama ada melibatkan elemen kurikulum, pentaksiran dan bina upaya dan menggunakan analisis data kajian yang lebih mendalam dan terperinci.

## **Rujukan**

- Ab Halim Tamuri & Mohammad Khairul Azman AJuhary. (2010). Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep “muallim”. *Journal Islamic and Arabic Education*, 2(1), 43-56.
- Ahwani, Ahmad Fuad. (1995). *At-tarbiah fil Islam aw atta'lim fi ra'yi al-Qabisi*. Qahirah; Dar Ihya' al-Kutub al-A'rabiyyah.
- Al-Qabisi, Abu Hassan Ali Muhammad Khalaf. (1955). *Al-risalah al-mufassalah lilahwal al-muta'alimin wa ahkam wa muta'alimin*. Kaherah; Dar Ehya' al-Kutub al-Arabiyyah.



- Asmawati Suhid, dan Fathiyah Mohd Fakhruddin. (2012). Gagasan pemikiran falsafah dalam pendidikan Islam: hala tuju dan cabaran. *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(4), 57-70.
- Azhar Ahmad. (2006). *Strategi pembelajaran pengaturan sendiri pendidikan Islam dan penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah*. Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Brookhart, S. (2010), *How to Assess Higher Order Thinking Skills in Your Classroom*, ASCD.
- Cohen, L. Manion, L., & Marrison, K. (2007). *Research Method in Education*. Routledge, Francais and Taylor Group.
- Creswell, J. W. (2009). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. Pearson Education, Inc.
- Hennessey, B. A. & Amabile, T. M. (2010). Creativity. *Annual Review of Psychology*, 61, 569-598.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri, & Mohd Izham Mohd Hamzah. (2010). Faktor pentadbir dan pengetua dalam kecemerlangan guru cemerlang Pendidikan Islam dan guru di sekolah menengah: satu kajian kes. *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education*, 2 (1), 13-20.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014), *Buku dasar elemen kemahiran berfikir aras tinggi (Kurikulum)*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014), *Buku dasar elemen kemahiran berfikir aras tinggi (Pedagogi)*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014), *Buku dasar elemen kemahiran berfikir aras tinggi (Pentaksiran)*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Khalid, T. (2010). *An Integrated Inquiry Activity in an Elementary Teaching Methods Classroom*. Science Activities: Classroom Projects and Curriculum Ideas.
- Krejciec, R.V & Morgan, D.W. (1970). *Determining sample size for research activities, education and psychological measurement*, 30, 608-619.
- Mohd Majid Konting (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Hisham Md Nawawi. (2011). *Pengajaran dan pembelajaran: penelitian semula konsep-konsep asas menurut perspektif gagasan Islamisasi ilmu moden*. Kongres pengajaran dan pembelajaran; Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying & Sharifah Fakhriah. (2009). *Murid dan Alam Belajar*. Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Pallant, J. (2010). *SPSS Survival Manual A Step by Step Guide to Data Analysis using SPSS for Windows, 4<sup>th</sup> Edition*, Crows West.
- Partnership for 21st Century Skills. (2010). *Beyond the Three Rs: Voter Attitudes Toward 21st Century Skills*. Tucson, AZ.

***Strategi Pembelajaran Berasaskan Perbincangan menerusi Konteks Pengintegrasian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam di Negeri Perak***

- Rosnani Hashim. (2012). Rethinking Islamic Education in Facing the Challenges of the Twenty-first Century. *American Journal of Islamic Social Sciences*, 22(4), 133-147.
- Saavedra, A. & Opfer, V. (2012). Learning 21st-century skills requires 21st-century teaching. *Phi Delta Kappan*, 94(2), 8-13.
- Siti Marlina Sabran. (2013). *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) pelajar tingkatan lima dalam penyelesaian matematik*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Sukiman Saad, Noor Shah Saad, & Mohd Uzi Dollah. (2013). Pengajaran kemahiran berfikir: persepsi dan amalan guru matematik semasa pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Wan Mat Sulaiman & Norkhairiah Hashim. (2011). Aplikasi kemahiran berfikir dalam pengajaran Pengetahuan Agama Islam. *Journal of Applied Research in Education*, 15(1 & 2), 43-58.
- Zakaria, A. 2011. *Pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar dalam Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan di Malaysia*. Tesis PhD, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zuraidah Ramdzan@Ramban. (2013). *Kesediaan, amalan dan strategi pengajaran pendidikan Islam Kurikulum Standard Sekolah Rendah Tahun Satu (KSSR)*. Universiti Teknologi Malaysia.